| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Keyakinan UiTM makan diri** | | |
| Date | **23. Aug 2008** | Language | **MALAY** |
| Media Title | **Harian Metro** | Page No | **44** |
| Section | **Arena** | Article Size | **185** cm2 |
| Circulation | **336603** | Frequency | **Daily** |
| Readership | **2192000** | Color | **Full Color** |
| | | AdValue | |





# Keyakinan UiTM makan diri

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) menduduki tempat ketiga Kejohanan Futsal Antara Universiti Malaysia Ke-23 selepas tewas di separuh akhir kepada Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) 4-3, baru-baru ini.

Aksi yang berlangsung di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) itu memperlihatkan pasukan UiTM tidak menghadapi masalah pada saingan awal menyisihkan lawan dengan mudah.

Pada saingan awal UiTM menewaskan Universiti Malaysia Sabah (UMS) 4-1, terikat dengan USM 4-4 sebelum menewaskan Universiti Putra Malaysia pada suku akhir 5-1.

Pada aksi tempat ketiga dan keempat, UiTM berjaya menewaskan Universiti Utara Malaysia (UUM) 5-0 manakala UNIMAP berjaya menewaskan USM 3-2 di aksi final.